

WARNA-WARNI DESTINASI HONG KONG

AVIAR

MOBROS

Antipasto
CASA PASTA & STEAK
SINCE 1972

MOBROS
RESTAURANT

MOBROS
RESTAURANT

秀說
BEST
OF ALL
IT'S IN
HONG
KONG

NIKMATI KEINDAHAN ALAM SEMULAJADI YANG TERSEDIA DI HONG KONG

DiscoverHongKong.com

香港 BEST
OF ALL
IT'S IN
HONG
KONG



DESTINASI KELUARGA

TREND TERKINI

6 **TARIKAN UTAMA**

- Symphony Of Lights
- Hong Kong Observation Wheel
- Wong Tai Sin
- Hong Kong Unesco Global Geopark
- Yuen Long

11 **SAJIAN ENAK**

- Kudapan Tempatan

12 **DESTINASI MEMBELI-BELAH**



14 **CUBALAH INI!**

5 Destinasi Wajib
Dikunjungi

16 **TARIKAN UTAMA**

Old Town Central, SoHo, PoHo,
Mong Kok & Yau Ma Tei

19 **DESTINASI MEMBELI-BELAH**

- Jenama Terkenal
- Barangan Antik Yang Unik Dan Menarik

23 **CUBALAH INI!**

- Lokasi Hang Out Paling Popular
- 5 Spots Paling Instagrammable Di Hong Kong



MY HONG KONG GUIDE

DESTINASI MUSLIM

26 KALENDAR ACARA

34 JELAJAH MASJID

28 RANCANG PERCUTIAN ANDA

- Masjid Stanley
- Masjid Kowloon
- Masjid Chai Wan
- Masjid Jamia
- Masjid Ammar & Osman Ramju Sadick Islamic Centre



Jom, Guna Aplikasi!!

30 TIPS BIJAK!
Agar Percutian Lebih Lancar

38 RESTORAN HALAL



32 FAKTA HONG KONG

43 PANDUAN KOMUNIKASI UNTUK MUSLIM

DESTINASI KELUARGA

BAWA SEISI KELUARGA
MENIKMATI PERCUTIAN
YANG MENARIK DENGAN
MENGUNJUNGI DESTINASI-
DESTINASI YANG ADA DI
SINI. BERHIBUR SAMBIL
BELAJAR DAN MENAMBAH
PENGETAHUAN



KEINDAHAN ALAM:

Hong Kong
Geopark &
Volcanic Region,
Symphony of Lights.

WAJIB DIKUNJUNGI:

Madame Tussauds,
Hong Kong
Disneyland,
The Peak.

TEMPAT MENARIK UNTUK MEMBELI- BELAH:

Cat Street,
Temple Street.

PILIHAN SAJIAN ENAK DI HONG KONG:

Dim Sum, Tart Telur,
Roti Nanas.





Lawatan ke Hong Kong tidak lengkap jika anda tidak menyaksikan Symphony of Lights, sebuah pertunjukan muzik dan cahaya yang menakjubkan di kawasan Victoria Harbour. Kesan pencahayaan dan laser yang dipancarkan seiring dengan alunan muzik pasti membuat anda terpegun. Cahaya ini datangnye dari lebih 40 bangunan pencakar langit di sekitar Victoria Harbour dan digabungkan dengan muzik dan suara latar yang menggambarkan bandar raya Hong Kong

SYMPHONY of LIGHTS

yang dinamik. Suara latar Bahasa Inggeris disediakan pada hari Isnin, Rabu, dan Jumaat. Pertunjukan cahaya yang menakjubkan ini pasti menyeronokkan untuk anda dan seisi keluarga.

Lokasi yang terbaik untuk menonton Symphony of Lights adalah di pinggir pelabuhan Tsim Sha Tsui dan Golden Bauhinia Square di Wan Chai. Pertunjukan ini bermula

pada jam 8 malam dan berlangsung selama kira-kira 13 minit. Selepas itu, ambillah gambar kenangan dengan berlatarkan pemandangan malam Tsim Sha Tsui yang indah. Anda juga boleh bergambar di sekitar kawasan Tsim Sha Tsui Waterfront, seperti di Hong Kong Cultural Center atau Clock Tower.

LOKASI: Victoria Harbour.

PENGANGKUTAN: MTR East Tsim Sha Tsui Station, Exit L6 atau MTR Wan Chai Station, Exit A5. Naik *skybridge* menuju Hong Kong Convention & Exhibition Centre, Terus berjalan Ke Golden Bauhinia Square.

WEBSITE: <http://www.discoverhongkong.com/my/see-do/highlight-attractions/harbour-view/a-symphony-of-lights.jsp>

Symphony of Lights telah dinobatkan

**TAHUKAH
ANDA?**

sebagai 'Pertunjukan Cahaya dan Bunyi yang Terbesar Di Dunia' oleh Guinness World Records.

Victoria Harbour menjadi tumpuan pelancong kerana banyak aktiviti menarik boleh dilakukan di sini. Antaranya ialah menaiki Hong Kong Observation Wheel. Menikmati pemandangan Hong Kong yang cantik dari ketinggian 60 meter dari paras laut pasti menjadi kenangan yang sukar dilupakan. Bangunan-bangunan tinggi pencakar langit dan Central Pier serta

bot-bot yang begitu banyak dapat dilihat dengan jelas. Hong Kong Observation Wheel menempatkan 42 gondola mewah, salah satunya gondola VIP dengan lapan tempat

diduduki yang selesa. Waktu yang terbaik untuk melihat pemandangan Hong Kong dari tempat yang tinggi adalah semasa matahari terbenam atau pada waktu malam.

HONG KONG OBSERVATION WHEEL



LOKASI: 33 Man Kwong Street, Central, Hong Kong Island.

PENGANGKUTAN: MTR Hong Kong Station, Exit A2 atau MTR Central Station, Exit A. Teruskan berjalan di sepanjang Man Yui Street.

WEBSITE: <http://www.discoverhongkong.com/my/see-do/highlight-attractions/harbour-view/hong-kong-observation-wheel.jsp>

Satu pusingan Hong Kong Observation Wheel mengambil masa 15-20 minit dan setiap gondola dilengkapi akses Wi-Fi percuma!

TAHUKAH ANDA?

Kuil yang dibina di atas tapak seluas 18,000 meter persegi ini menempatkan tiga agama (Taoisme, Buddha, dan Konghucu). Meskipun ribuan orang mengunjungi kuil Wong Tai Sin setiap hari, persekitarannya cukup

menenangkan.

Warga tempatan akan berkumpul di sini terutamanya pada Tahun Baru Cina untuk memohon tuah kerana mereka percaya semua doa/permintaan yang dibuat di sini akan tercapai.

Terdapat beberapa tempat menarik untuk dilawati di sini seperti Good Wish Garden, sebuah taman yang dilengkapi kolam gaya Tao yang memberikan suasana yang tenang dan damai.

KUIL WONG TAI SIN



LOKASI:

2 Chuk Yuen Village, Wong Tai Sin, Kowloon.

PENGANGKUTAN: MTR Wong Tai Sin Station, Exit B2.

WEBSITE: <http://www.discoverhongkong.com/my/see-do/culture-heritage/chinese-temples/wong-tai-sin-temple.jsp>

Kuil ini dibina untuk memperingati sami tersohor, Wong Tai Sin yang dilahirkan pada abad Ke-4 dan menjadi dewa di Heng Shan (Red Pine Hill)

TAHUKAH ANDA?



YUEN LONG



Suasana yang berbeza daripada kesibukan bandar menjadikan Yuen Long destinasi yang unik dan wajib dikunjungi. Ia mempunyai rangkaian pengangkutan awam yang mudah, tempat membeli-belah, menjamu selera, aktiviti luar dan ruang hijau yang luas.

Yuen Long terkenal dengan sajian makanan

laut kerana ada perkampungan nelayan di sini. Ramai juga penduduknya yang menjalankan penternakan tiram. Cubalah Poon Choi, sejenis hidangan unik gabungan makanan laut, ayam dan keledak yang dimasak dengan sos yang agak masin.

Kunjungi juga Ping Shan Village untuk melihat barangan

peninggalan dinasti Tang. Bawa anak-anak mengutip strawberi di Law's Organic Strawberry Farm dan jangan lupa untuk mencuba pengalaman unik menunggang motosikal lasak di Yuen Long. Tutup tirai hari anda dengan menikmati hidangan istimewa Yuen Long untuk makan malam.

LOKASI: New Territories West, Hong Kong.

PENGANGKUTAN: MTR Long Ping Station, lanjutkan dengan berjalan kaki.

WEBSITE: <http://www.discoverhongkong.com/seasia/see-do/insiders-guide/natural-heritage/yuen-long.jsp>

Jika ingin menenangkan fikiran, kunjungi Hello Kitty Go Green Organic Farm untuk melihat haiwan-haiwan ternakan, mengikuti bengkel pertanian organik, atau membeli produk organik yang menarik.

**TAHUKAH
ANDA?**



Foto: Dok. Kelvin Yuen

Hong Kong juga mempunyai tempat-tempat semula jadi yang menarik untuk dikunjungi. Salah satu daripadanya ialah UNESCO Global Geopark di mana anda dan keluarga dapat menikmati keindahan dan mempelajari tentang alam semula jadi. Di Volcano Discovery Centre, pengunjung boleh mempelajari tentang letupan gunung berapi yang berlaku di Hong Kong lebih 140 juta

HONG KONG UNESCO GLOBAL GEOPARK

tahun lalu dan melihat spesimen batu dari seluruh dunia serta tiang batu heksagon yang unik. Anda juga boleh membawa keluarga melawat Sai Kung Volcanic Rock Region. Anda pasti terpesona dengan keindahan

pelbagai ciri alam semula jadi dan deretan batu gunung berapi berbentuk heksagon. Ia lebih menarik jika dilihat dari High Island yang menyediakan persekitaran yang selamat bagi pengunjung termasuklah kanak-kanak.

LOKASI: Sai Kung Waterfront Park, Wai Man Road, Sai Kung, New Territories.

PENGANGKUTAN: MTR Diamond Hill Station, Exit C2, teruskan perjalanan dengan menaiki bas bernombor 92, menuju terminal bus Sai Kung dan seterusnya berjalan kaki ke destinasi ini.

WEBSITE: <http://www.discoverhongkong.com/my/see-do/great-outdoors/nature-parks/hong-kong-unesco-global-geopark.jsp>

Untuk memudahkan lawatan, anda boleh menyertai Volcano

Discovery Centre Guided Tour yang percuma, atau lawatan berbayar seperti Geopark Hiking Tour dan East Dam Half-Day Tour. Anda dan keluarga juga boleh berkanak dan menaiki bot laju yang terdapat di kawasan Sai Kung.

**TAHUKAH
ANDA?**

KUDAPAN TEMPATAN

ROTI NANAS (菠蘿包) Muslim-Friendly

Masyarakat tempatan memanggil roti ini Bo Lor Bao dan ia biasanya dinikmati ketika sarapan pagi atau minum petang. Walaupun tidak mengandungi nanas, permukaannya yang rangup dan keemasan seperti nanas menyebabkan ia diberi nama tersebut. Ia mempunyai rasa manis yang sederhana. Jika inginkan rasa yang lebih, cubalah Roti Nanas dengan Mentega (菠蘿油) untuk menikmati aroma mentega yang enak.

Cubalah di sini: [Kum Wah Café](#) (47 Bute Street, Prince Edward, Hong Kong).



KEK ISTERI (老婆餅) Muslim-Friendly

Menurut legenda, pastri yang enak ini telah dicipta oleh seorang suami untuk mengumpul wang demi menebus isterinya yang telah menjual dirinya sendiri ke tuan tanah demi membiayai kos perubatan bapa mertuanya. Kek ini mempunyai tekstur yang lembut dan agak rangup dengan inti pes labu air yang manis. Jangan lupa membelinya untuk buah tangan!

Cubalah di sini: [Hang Heung](#) (Kaunter di gedung Sogo, basement 2, 555 Henessy Road, Causeway Bay, Hong Kong Island)

TART TELUR (蛋撻) Muslim-Friendly

Pastri kecil berbentuk mangkuk ini diisi dengan kastard telur yang lazat, dan merupakan kudapan yang sangat digemari di Hong Kong. Ia paling enak dimakan ketika panas kerana kulit pastri yang disalut mentega sangat harum dan rangup.

Cubalah di sini:

[Cheung Heung Yuen Restaurant](#) (107 Belcher's Street, Kennedy Town, Daerah Barat, Hong Kong).





CAUSEWAY BAY

Kawasan tumpuan pelancong ini menawarkan pelbagai tempat membeli-belah dan menjamu selera, dari butik perka bertaraf dunia, gedung serbaneka, hinggalah kedai-kedai kecil. Anda juga boleh mengunjungi Lee Gardens, Lee Theatre Plaza, Times Square, dan World Trade Centre.

Jika bajet terhad, kunjungi Jardine's Crescent yang menjual pelbagai barangan fesyen dan aksesori pada harga yang berpatutan.

LOKASI: Causeway Bay, Hong Kong Island.

PENGANGKUTAN: MTR Causeway Bay.

WEBSITE: <http://www.discoverhongkong.com/my/shop/where-to-shop/shopping-areas/causeway-bay.jsp>



WAN CHAI

Wan Chai kini merupakan daerah perniagaan dan menawarkan pengalaman membeli-belah dengan trend terkini. Di Queen's Road East, terdapat pelbagai kedai antik bersebelahan kedai jenama terkemuka dunia. The East menempatkan pusat membeli-belah dan pelbagai restoran Asia dan Barat, manakala Spring Garden Lane menawarkan produk eksport berkualiti tinggi pada harga berpatutan.

LOKASI: Wan Chai Road, Hong Kong Island.

PENGANGKUTAN: MTR Wan Chai.

WEBSITE: <http://www.discoverhongkong.com/my/shop/where-to-shop/shopping-areas/wan-chai.jsp>



TAI YUEN STREET

Wan Chai juga mempunyai pasar terkemuka yang menjual pelbagai permainan kanak-kanak. Terdapat anak patung Barbie yang lengkap dengan aksesori dan pelbagai kereta mainan, robot dan patung aksi. Permainan yang selamat untuk bayi, pakaian kanak-kanak dan aksesori juga dijual di sini. Anda juga boleh membeli pelbagai cenderamata Hong Kong seperti magnet peti sejuk, topi, rantai kunci, dan banyak lagi.

LOKASI: Wan Chai Road, Hong Kong Island.

PENGANGKUTAN: MTR Wan Chai.

WEBSITE: <http://www.discoverhongkong.com/my/shop/where-to-shop/street-markets-and-shopping-streets/tai-yuen-street.jsp>



MONG KOK CAT STREET

Pelbagai barangan boleh didapati di sini seperti bunga, perkakas rumah, pakaian, kasut, bahkan ikan emas dan pakaian pengantin juga! Inilah yang menjadikan Mong Kok kawasan membeli-belah yang sangat sibuk. Sai Yeung Choi Street menawarkan pelbagai barangan elektronik, kosmetik dan pakaian, manakala Shantung Street dan Dundas Street pula menampilkan fesyen Jepun dan Barat serta pelbagai aksesori. Bagi yang ingin ruang berhawa dingin, Langham Place menawarkan pelbagai produk kecantikan dan kedai LINE Friends!

LOKASI: Mong Kok, Kowloon.

PENGANGKUTAN:

MTR Mong Kok.

WEBSITE: <http://www.discoverhongkong.com/my/shop/where-to-shop/shopping-areas/mong-kok.jsp>

Pasar ini menawarkan pelbagai jenis seramik dan barangan antik, bahkan yang sangat lama dan sukar ditemui di Malaysia. Ia juga dikenali sebagai Lascar Row Street atau Cat Alley. Pelbagai barangan unik dan antik yang boleh didapati seperti balang, teko, dan pinggan mangkuk replika. Walaupun replika, bentuk dan saiznya tidak berbeza dari yang asli. Tempat ini sesuai untuk mereka yang menggemari barangan antik dan yang mempunyai nilai sejarah serta aksesori rumah yang unik..

LOKASI: Hollywood Road and Upper Lascar Road, Sheung Wan, Hong Kong Island.

PENGANGKUTAN:

MTR Central.

WEBSITE: <http://www.discoverhongkong.com/my/shop/where-to-shop/street-markets-and-shopping-streets/cat-street.jsp>

5 DESTINASI YANG WAJIB DIKUNJUNGI

OCEAN PARK HONG KONG

Ocean Park menggabungkan hiburan, pendidikan dan pemuliharaan alam semula jadi. Lihat haiwan kutub di Polar Adventure, naiki tram kolonial di kawasan Old Hong Kong, jalani pengembaraan laut di Aqua City, uji keberanian di Thrill Mountain, dan lawati zoo tropika di The Rainforest. Terdapat pilihan menu halal di Panda Café Food To Go dan Dive Into A Float.

LOKASI: Wong Chuk Hang, Hong Kong.

WEBSITE: www.oceanpark.com.hk



MADAME TUSSAUDS

Muzium lilin terkemuka ini mempunyai koleksi lebih 100 patung tokoh-tokoh dunia yang diperbuat daripada lilin, dari selebriti, atlet hinggalah watak animasi terkenal. Anda bebas bergambar dengan 'bintang-bintang' terkemuka di sini.

LOKASI: Shop P101, The Peak Tower, 128 Peak Road, The Peak.

WEBSITE: www.madametussauds.com



THE PEAK

Puncak tertinggi di Pulau Hong Kong iaitu The Peak adalah tempat terbaik untuk menikmati panorama bangunan pencakar langit Hong Kong pada waktu siang dan sinaran cahaya lampu pada waktu malam. Laluan ke The Peak sangat mengujakan kerana anda perlu menaiki tram khas pada kecerunan 27 darjah.

LOKASI: Mid-Levels, Hong Kong Island

WEBSITE: www.thepeak.com.hk,
www.thepeakgalleria.com



SKY100 OBSERVATION DECK

Ingin melihat pemandangan Hong Kong secara 360 darjah pada ketinggian 393 meter dari paras laut? Apa yang menarik, perjalanan ke Sky100 Observation Deck yang terletak di tingkat 100 Bangunan ICC iaitu bangunan yang tertinggi di Hong Kong, hanya mengambil masa 60 saat!

LOKASI: 100/F International Commerce Centre, 1 Austin Road West, Kowloon.

WEBSITE: www.sky100.com.hk



HONG KONG DISNEYLAND

Anda dan keluarga boleh mencuba pelbagai permainan bertemakan Disney, Iron Man dan Star Wars. Sertai latihan Jedi atau cuba Star Wars: Tomorrowland Takeover. Saksikan pertunjukan bunga api Disney in The Stars yang menggabungkan teknologi maju dengan kesan pencahayaan dan pancaran video. Kunjungi juga tarikan terkini Iron Man Experience.

LOKASI: Lantau Island.

WEBSITE: www.hongkongdisneyland.com



TREND TERKINI

NIKMATI PENGALAMAN MEMBELI-BELAH YANG MENGUJAKAN DENGAN PELBAGAI PILIHAN PRODUK MENARIK YANG BELUM PERNAH ANDA DAPATKAN DI SAMPING MELIHAT KEINDAHAN ALAM DAN MERASAI KELAZATAN MAKANAN HONG KONG.




**MEMBURU
BARANGAN UNIK:**
PMQ, Stanley
Market, Ladies
Market.

WAJIB DIKUNJUNG:
SoHo, PoHo,
Mong Kok.

REHAT SEKETIKA:
Elephant Ground,
Little Bao, Ophelia.

**BARANGAN
EKSKLUSIF:**
Sneakers Street,
Tsim Sha Tsui.





Sebagai pusat pertembungan pelbagai budaya, Hong Kong mempunyai sejarah yang unik dan menarik. Ini menjadikan kunjungan ke Old Town Central suatu kemestian. Sama ada ingin mempelajari tentang sejarah, membeli kraftangan, mencuba hidangan fusion tradisional dan moden, mahupun mencari barangan unik buatan jenama dan pereka tempatan, Old Town Central adalah tempat di mana budaya Timur dan Barat bertemu. Mulakan perjalanan anda dari Possession Point, tempat bendera British dikibarkan buat pertama kalinya. Kemudian, kunjungi Tai Ping Shan Street, kawasan penempatan pertama masyarakat Cina.

Lapar? Penuhi keinginan anda di syurga pencinta makanan di Central. Dari dim sum dan dai pai dong, tart telur hinggalah ke pilihan makanan antarabangsa.

OLD TOWN CENTRAL

Teruskan perjalanan ke Hollywood Road, antara jalan tertua di Hong Kong yang menawarkan pelbagai galeri seni, koleksi Asia dan Barat purba serta koleksi kontemporari. Pastikan anda meneliti grafiti pada dinding bangunan di sini. Terdapat sekurang-kurangnya sepuluh seni jalanan untuk anda bergambar dan memuat naik ke Instagram!

SoHo

Singkatan bagi South of Hollywood Road adalah nama kawasan di antara Staunton Street dengan Elgin Street, iaitu lokasi kegemaran golongan profesional Hong Kong untuk bersantai selepas waktu kerja. Anda boleh ke sana dari kawasan Central melalui Mid-Levels Escalator, eskalator luar bangunan berbumbung yang terpanjang di dunia (800 m). Lawati Galeri Seni 10 Chancery Lane yang menempatkan beberapa studio reka bentuk dan fotografi. Di sepanjang jalan ini, anda juga akan



menemui kedai-kedai antik yang menjual barangan seramik dan seni purba yang unik.

PoHo ialah kawasan komuniti kreatif yang tenang di antara Tai Ping Shan Street, Po Hing Fong, Pound Lane, Sai Street dan Square street, di mana anda boleh menemui pelbagai galeri seni, kedai teh, studio reka bentuk dan kedai vintaj. Kunjungi Visionaire, sebuah butik antarabangsa, Squarastreet yang menjual jenama pereka terkenal, Nordic Room by

PoHo, SHEUNG WAN

Homeless, sebuah gedung perabot rekaan unik dan L'impression du temps yang menjual bermacam jenis pakaian bermotif unik. Nikmatilah



pengalaman membeli-belah yang hanya ada Hong Kong. Untuk makan, singgahlah ke restoran vegan Café MANA! dan cuba makanan istimewa bakeri Perancis-Jepun.

Mong Kok dan Yau Ma Tei, dengan jalan-jalan yang unik dan pasar-pasar yang menarik harus dikunjungi jika anda ingin mencari kedai-kedai dan pengalaman yang unik di Hong Kong. Misi anda adalah untuk menjadi orang yang pertama berkongsi di Instagram tentang kemeja-jenama retro paling menarik daripada butik vintaj terkini!

MONG KOK & YAU MA TEI



Semasa menerokai Mong Kok, pastikan telefon anda bersedia untuk merakam pelbagai penemuan menarik! Kunjungi Pause Rewind and Fastforward untuk mencari hiasan dan aksesori bunga kering dan cubalah Cherry Blossom Raindrop Cake yang lutsinar dengan sekuntum bunga di di tengahnya. Lawati Broadway Cinematheque, bangunan kebudayaan yang sering menganjurkan tayangan istimewa dan festival filem. Di sebelahnya terdapat Kubrick, sebuah kedai buku dan kafe yang menawarkan pelbagai penerbitan berkaitan filem, kopi dan juadah ringan.



STANLEY MARKET

Pasar Stanley Market menjual pelbagai produk fesyen, permainan, fabrik sutera, dan antik dari yang murah hingga yang sangat mahal. Kebanyakan penjual memahami Bahasa Inggeris dan ini memudahkan proses tawar-menawar! Pasar Stanley terletak berhampiran Stanley Beach. Jadi, selepas membeli-belah anda boleh menikmati keindahan pantai sambil menjamu selera di salah sebuah restoran di sini.



TIPS

Datanglah pada waktu pagi sebelum tempat ini menjadi sesak dan cuaca terlalu panas.

Waktu terbaik untuk ke sini adalah pada hujung minggu.

LOKASI: Stanley New Street dan Stanley Market Road, Stanley.

WAKTU OPERASI: 09.00 - 19.00, kecuali kafe dan restoran yang buka hingga pukul 10 malam.

PMQ



Bekas bangunan asrama polis ini telah diubahsuai menjadi pusat kreatif yang menggabungkan studio,

pejabat, kedai, dan ruang persembahan seni dan muzik. Terdapat lebih kurang 100 pereka dan perniagaan kreatif dengan hasil kerja seperti fesyen, perabot dan perkhidmatan reka bentuk di sini. Kunjungi Hashtag untuk koleksi beg kulit moden, The Little Finger untuk koleksi barangan kemas unik, dan Flow + Living Unit untuk perkakas rumah dengan rekaan klasik. Pastikan anda menyertai bengkel-bengkel kreatif seperti membuat barang kemas, kasut dan rekaan fesyen.

LOKASI: 35 Aberdeen Street, Central.

WAKTU OPERASI: 07.00 - 23.00.



Layari <http://www.pmq.org.hk/> untuk maklumat lanjut mengenai pameran dan pertunjukan seni di PMQ pada tarikh anda berkunjung ke sini.

TIPS


LADIES MARKET

Merupakan syurga membeli-belah pelancong kerana harganya yang murah. Selain barangan wanita seperti beg tangan dan aksesori, ia juga menjual cenderamata Hong Kong dan pelbagai perhiasan kecil yang unik.

LOKASI: Tung Choi Street, Mongkok.

WAKTU OPERASI: 12.00 - 00.00.

TIPS Pastikan anda berjalan kaki kerana kenderaan tidak dibenarkan masuk dari jam 12 tengah hari hingga tengah malam.



WESTERN MARKET

Terletak di kawasan kota lama, Western Market menawarkan pelbagai kraf tangan, barangan kemas, pakaian dan permainan kanak-kanak. Anda boleh menaiki tram untuk ke sini. Kunjungi jalan Des Voeux Road West yang menjual makanan laut kering untuk dijadikan bahan masakan atau tonik.

LOKASI: 323 Des Voeux Road Central, Sheung Wan.

WAKTU OPERASI: 12.00 - 00.00.

TIPS Bawalah pasangan anda untuk menikmati makan malam yang romantik dengan suasana vintage di sini!

ARGYLE CENTRE

Lokasinya agak tersembunyi kerana dikelilingi bangunan tinggi. Pelbagai pakaian, beg tangan, kaca mata hitam, kasut dan aksesori dijual di sini pada harga yang sangat berpatutan! Terdapat juga restoran dan kafe untuk anda berehat setelah puas membeli-belah.

LOKASI: 668, Nathan Road, Mong Kok.

WAKTU OPERASI: 11.15 - 23.15.

TIPS Kedai-kedai di sini biasanya menjual pada harga yang tetap, namun anda masih boleh cuba untuk tawar-menawar jika ingin membeli lebih daripada satu barang.



Foto: Dok. Argyle Centre

SNEAKERS STREET

Kasut-kasut sneaker model terkini untuk lelaki dan wanita ada dijual di sini, termasuk jenis yang sukar ditemui dengan harga yang dijamin berpatutan. Inilah yang membuatkan ramai pengunjung, termasuk atlet NBA, Lebron James, teruja untuk mengunjungi tempat ini.

LOKASI: Fa Yuen Street, Mong Kok.

WAKTU OPERASI: 10.00 - 22.00.

TIPS

Kitaran produk di sini sangat cepat. Jika anda terjumpa apa yang anda inginkan, terus beli.

Foto: Dok. Sneakers Street



TSIM SHA TSUI

Terdapat banyak pusat membeli-belah dan butik pakaian pereka dunia, kedai barangan kemas dan jam tangan mewah, serta restoran hidangan pelbagai negara di sini.

LOKASI: Tsim Sha Tsui.

WAKTU OPERASI: 10.00 - 22.00.

TIPS

Tsim Sha Tsui ialah bazar dunia yang sangat besar yang menempatkan pelbagai gerai, kedai, pasar dan pusat membeli-belah.



HARBOUR CITY

Pusat membeli-belah terbesar di Hong Kong dengan 600 buah kedai yang dibahagikan kepada lima kawasan: Gateway Arcade, Ocean Center, Ocean Terminal, Marco Polo Hong Kong Arcade Hotel dan Star Annex. Terdapat pelbagai jenama global terkenal di sini.

LOKASI: 3-27 Canton Road, Tsim Sha Tsui.

WAKTU OPERASI: 10.00 - 22.00.

TIPS

Nikmati pelbagai menu tempatan dan antarabangsa di 50 buah restoran yang berbeza sambil menikmati keindahan Pelabuhan Victoria.



K11 ART MALL

K11 adalah jenama pertama dunia yang menggabungkan seni, manusia dan alam semula jadi. Ia memaparkan hasil seni seniman tempatan dan pelbagai pameran dan persembahan melalui ruang berbilang dimensi. Konsep reka bentuk dan teknologi hijau dalam seni bina dalamnya juga menarik.

LOKASI: 18 Hanoi Road, Tsim Sha Tsui.

WAKTU OPERASI: 10.00 - 22.00.

TIPS K11 mudah diakses dari Nathan Road, hanya 3 minit berjalan kaki dan bersambung dengan Hyatt Regency Hong Kong.



Foto Dok. K11 Art Mall



Foto Dok. Florentia Village

FLORENTIA VILLAGE

Menawarkan lebih daripada 20 kedai barangan terkemuka dari Itali. Tempat ini menjadi tarikan pelancong kerana hiasan kaca-kaca yang mengelilingi bangunan. Jenama terkenal seperti Furla, Prada, Versace dan lain-lain turut tersedia dengan potongan harga sehingga 80%.

LOKASI: 100 Kwai Cheong Road, Kwai Chung, New Territories, Hong Kong.

WAKTU OPERASI: 10.00 - 22.00.

TIPS Wifi turut disediakan di kawasan ini. Turun di stesen MRT Kwai Hing dan Exit B, jalan kaki selama 7 minit untuk sampai ke sini.

E-MAX WEARHOUSE

Terletak di Pusat Perdagangan dan Pameran Kowloon Bay, pusat membeli-belah ini adalah tempat pelancong luar negara mendapatkan barangan jenama terkenal.

LOKASI: Kowloon Bay International Trade & Exhibition Centre, 1 Trademart Drive, Kowloon

WAKTU OPERASI: 10.30 - 22.30.

TIPS Pengangkutan bas percuma semasa waktu bekerja disediakan bermula di stesen MRT Kowloon Bay.



Foto Dok. E-max Warehouse

LOKASI **HANG OUT** PALING **POPULAR**

Di sini, anda boleh menikmati pengalaman membeli-belah, kulineri, atau bersiar-siar sambil menikmati suasana Hong Kong yang sebenar. Sham Shui Po dikenali sebagai pasar khas yang menjual pelbagai barangan baru dan lama, terutamanya di Apliu Street. Pelbagai barangan seperti alat elektronik, pakaian, komputer dan barangan antik boleh didapati di sini. Terdapat juga pelbagai pilihan makanan seperti Tauhu Kung Wo dan nasi kukus gulung.

Pasar fesyen di Cheung Sha Wan Road juga menarik untuk dilawati. Kunjungi juga bangunan-bangunan bersejarah Tong Lau atau taman menghijau yang tersisip di antara bangunan pencakar langit.

SHAM SHUI PO



SAI YING PUN



Antara daerah tertua di Hong Kong, Sai Yin Pun asalnya dibina untuk kediaman tentera British semasa mereka pertama kali datang ke Hong Kong. Kini, ia menjadi pusat restoran moden berkonsep unik. Fish School misalnya, menggabungkan ramuan tempatan dan makanan laut dengan menu yang luar biasa. Anda juga boleh menikmati hidangan Indonesia di Kaum yang mempunyai reka bentuk yang menarik.

Sai Ying Pun ialah tempat yang sangat sesuai jika anda ingin menikmati suasana Hong Kong yang sebenar dan memanjakan diri dengan pelbagai pilihan makanan.

5 SPOTS PALING INSTAGRAMMABLE DI HONG KONG

CENTRAL STREET ART



Terletak di daerah SoHo di Central, Hong Kong. Keseluruhan dinding di jalan ini dihiasi grafiti,

tetapi jika anda tidak teliti, anda mungkin tidak menyedarinya. Hati-hati sewaktu mengambil gambar kerana lalu-lintas di sini agak sesak.

SPOT MENGAMBIL FOTO: Laluan tepi jalan (sidewalk) dalam bentuk tangga disebabkan oleh kontur jalan yang naik / turun.

BIG WAVE BEACH



Pantai ini terkenal untuk sukan luncur air. Terdapat batu prasejarah yang besar dan pavilion terbuka

yang menjadi tempat melihat bintang pada waktu malam. Datanglah pada hari biasa kerana pantai ini sesak pada hujung minggu.

SPOT MENGAMBIL FOTO: Di pantai atau dari puncak bukit.

VICTORIA HARBOUR




Lokasi ini menawarkan pemandangan pelabuhan yang indah dengan pelbagai kapal dan

dikelilingi bangunan pencakar langit. Pemandangan waktu malam lebih dramatik apabila cahaya lampu dari bangunan tinggi mula dinyalakan.

SPOT MENGAMBIL FOTO: Victoria Peak atau dari Pusat Kebudayaan Tsim Sha Tsui di sebelah Kowloon

SAI WAN SWIMMING SHED




Dahulunya tempat warga tempatan berenang, kini menjadi lokasi bergambar yang menarik kerana

ada jambatan kayu kecil yang menghala ke laut.

SPOT MENGAMBIL FOTO: Di hadapan saluran sulfur dan di sepanjang jambatan ini.

YICK FAT BUILDING



Bangunan ini menarik kerana dicat dengan warna yang berbeza, lalu menjadi objek kegemaran bagi

foto. Bangunan ini terkenal kerana dipilih sebagai lokasi filem Transformers: Age of Extinction.

SPOT MENGAMBIL FOTO: Guna sudut rendah atau ambil gambar dari kawasan parkir.

MY HONG KONG GUIDE

FAHAMI SELOK-BELOK BANDAR
INI DARI SEGI BUDAYA,
KEHIDUPAN, PENGANGKUTAN,
MUSIM, ACARA & PERAYAAN
TEMPATAN AGAR PERCUTIAN
ANDA KE HONG KONG LEBIH
LANCAR.



KALENDAR AKTIVITI
sepanjang tahun.

PERKARA-PERKARA
yang perlu
dipertimbangkan.

FAKTA-FAKTA
tentang Hong
Kong yang harus
diketahui.

TIPS
agar perjalanan
Anda lebih mudah.





JANUARI - FEBRUARI

SAMBUTAN TAHUN BARU CINA, FESTIVAL & KARNIVAL KULINARI

Sambutan Tahun Baru Cina adalah perayaan yang paling meriah di Hong Kong. Cubalah juadah istimewa di Pasar Tahun Baru Cina dan saksikan karnival kenderaan berhias, festival kulineri, pertunjukan bunga api dan pelbagai kemeriahan lain.

MAC

HONG KONG ARTS MONTH

Setiap bulan Mac, Hong Kong menampilkan pelbagai acara khusus, seni jalanan, seni persembahan, malah beberapa jenama turut menganjurkan pelbagai acara seni. Dari opera, balet, hinggalah pameran seni, banyak yang boleh dinikmati

oleh peminat seni dan pemburu trend.



APRIL - MEI

HK CULTURAL CELEBRATION

Pada musim bunga, Hong Kong mengadakan empat acara kebudayaan utama.

Perayaan yang melibatkan ratusan penghibur dan tradisi berusia ribuan tahun ini adalah perayaan yang hanya boleh dinikmati di Hong Kong. Terdapat Karnival Bot Naga, Hari Jadi Tin Hau, Festival Cheung Chau Bun, Hari Jadi Buddha, dan Hari Jadi Tam Kung.



JUN - OGOS

MUSIM PANAS DI HONG KONG

Raikan musim panas di Hong Kong dengan menikmati pelbagai pengalaman kulineri, membeli-belah, dan persembahan yang menyeronokkan. Anda juga boleh bermain ombak di Big Wave Beach, bersiar-siar di Hong Kong National Geopark, atau menghadiri Festival Filem Musim Panas Hong Kong.



SEPTEMBER - OKTOBER

SUKAN & RIADAH DI HONG KONG

Tambahkan keseronokan dengan menonton acara sukan seperti Cyclothon, pertandingan sukan basikal di Hong Kong yang disertai lebih 3,600 penunggang dari seluruh dunia. Saksikan juga HK Tennis Open, Triathlon Asia Cup serta lumba kuda di Happy Valley.



NOVEMBER

PESTA HEBAT NOVEMBER DI HONG KONG

Bersedialah untuk menikmati pelbagai hidangan enak sepanjang bulan November! Hong Kong Great November Feast menawarkan pelbagai tawaran hidangan serta program kulineri yang pasti memuaskan selera anda.



Hidangan gastronomi turut disediakan di beberapa restoran terkemuka Hong Kong oleh chef-chef terkenal yang akan menyajikan menu eksklusif yang pasti memberikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan.



DISEMBER

PESTA MUSIM SEJUK DI HONG KONG

Pada bulan ini, suasana di Hong Kong meriah dengan aura perayaan Krismas. Inilah masanya untuk bergambar dengan gaya musim sejuk. Anda juga boleh menikmati Hong Kong Pulse Light Show, pakej diskaun, makanan bermusim serta hiasan Krismas yang mempesonakan di kawasan Central serta di pusat-pusat membeli-belah di serata Hong Kong.



JOM, GUNA APLIKASI!

Niat saja tidak cukup! Alamilah perjalanan anda ke Hong Kong dengan aplikasi yang membantu merancang serta memudahkan perjalanan.



MY HONG KONG GUIDE

"Pemandu pelancong peribadi" ini membantu anda memilih destinasi idaman, menyusun jadual perjalanan, dan mencadangkan jalan yang tidak diketahui ramai. Ia sesuai untuk mereka yang ingin menjelajah Hong Kong seperti warga tempatan.




MTR

Guna aplikasi ini untuk merancang perjalanan ada di Hong Kong dengan MTR. Maklumat mengenai stesen MTR dan kemudahan serta kedai yang ada turut disediakan. Ia juga menyediakan ciri "Plan Your Trip, Tourist Info dan Airport Express".



PANDUAN APLIKASI



cs! Wi-Fi

Terdapat puluhan ribu tempat Wi-Fi CSL di seluruh Hong Kong untuk anda menikmati frekuensi Wi-Fi secara percuma. Untuk mendapatkan akses, gunakan Kad SIM Pelancong CSL Discover Hong Kong.



HKeTransport

Untuk memastikan perjalanan anda di Hong Kong lebih cekap dan efisien, ketahuilah jenis-jenis pengangkutan yang patut digunakan seperti pengangkutan awam dan MTR, LRT, bas, feri, tram, dan banyak lagi dengan aplikasi ini.



Toilet Rush

Kemudahan tandas sudah tentu sangat penting untuk perjalanan anda. Guna aplikasi ini untuk mencari tandas yang paling hampir, termasuk kemudahan sedia ada dan komen daripada pengguna lain.



AGAR PERCUTIAN — ANDA LEBIH LANCAR

Kunjungan ke Hong Kong tidak akan membosankan. Sekali pergi, anda pasti mahu kembali dan mengulangi semula keseronokannya. Untuk melancarkan perjalanan anda, berilah perhatian kepada perkara-perkara berikut. Ini juga penting untuk mereka yang belum pernah berkunjung ke Hong Kong.

MENJAMU SELERA & MEMBELI-BELAH



Kunjungi restoran dan tempat makan yang mempamerkan logo QTS (Khidmat Pelancongan

Bermutu), kerana ia menjanjikan kebersihan, harga dan perkhidmatan yang memuaskan. Ini juga digunapakai untuk kedai, salon kecantikan dan tempat penginapan di Hong Kong.

TIPS

Sesetengah restoran mengamalkan tradisi menghidangkan teh dan kudapan tanpa dipesan. Tanya dahulu jika ia percuma atau dikenakan bayaran.

PELUANG TERBAIK UNTUK MEMBELI-BELAH

Hong Kong ialah syurga membeli belah. Namun, waktu kemuncaknya adalah semasa musim dingin dan musim panas seiring dengan kemunculan trend fesyen terkini. Pada bulan Disember hingga Februari, khususnya sebelum dan semasa perayaan Krismas dan Tahun Baru Cina, adalah tempoh jualan istimewa yang popular. Antara bulan Julai dan September pula, banyak gedung mengadakan jualan promosi musim panas.

TIPS


- ▶ Tidak perlu membawa wang tunai yang banyak kerana kebanyakan tempat membeli-belah dan restoran menerima kad kredit.
- ▶ Anda boleh tawar-menawar semasa membeli belah di pasar tepi jalan. Guna kalkulator untuk tawar-menawar dengan penjual yang tidak memahami Bahasa Inggeris.



MENGELILINGI HONG KONG

MTR

Anda boleh membeli pas harian untuk bersiar-siar di sekitar Hong Kong tanpa perlu membayar lebih. Harga Adult Tourist Day Pass (dewasa) ialah HKD65 dan harga Child Tourist Day Pass (kanak-kanak) ialah HKD30.



TREM

Satu kadar pada harga HKD2.30 untuk semua tujuan dan harus dibayar dengan wang yang mencukupi atau menggunakan kad Octopus.

Hong Kong mempunyai sistem pengangkutan yang cekap, cepat dan selamat. Semuanya dilengkapi dengan kaedah pembayaran praktikal dan efektif.

TEKSI

Menggunakan argometer, mudah ditemukan di setiap jalan.



BUS

Kadar bergantung pada jarak yang diambil, dan harus dibayar dengan wang yang mencukupi atau menggunakan kad Octopus.

KAPAL FERI

Kapal feri menghubungkan Hong Kong Island, Kowloon, dan pulau-pulau di sekitarnya. Harga untuk orang dewasa ialah HKD3.40



AIRPORT EXPRESS

Harga Airport Express Travel Pass ialah HKD250 atau HKD350 untuk sehala atau perjalanan dua hala, serta bonus bagi tiga hari berturut-turut perjalanan dengan menaiki MTR, Light Rail dan MTR Bus (yang beroperasi di barat laut New Territories)

KAD OCTOPUS

Kad ini menjadi kaedah pembayaran yang berkesan untuk (hampir) semua jenis pengangkutan, pasar mini, kedai kek, dan mesin layan diri.

NOMBOR-NOMBOR PENTING

Simpan nombor telefon penting

Simpan nombor telefon penting ini untuk digunakan jika perlu:

PERKHIDMATAN KECEMASAN	999
POLIS	+852 2527 7177
TALIAN AGENSI PELANCONGAN HONG KONG	+852 2508 1234
JABATAN IMIGRESEN HONG KONG	+852 2824 6111
JABATAN KESIHATAN	+852 2961 8989
HOTLINE HKTB UNTUK PENGUNJUNG	+852 2508 1234
PUSAT PELAWAT LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA HONG KONG: Hall A dan B, Aras Ketibaan, Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Hong Kong, Pulau Lantau. Waktu operasi: 08.00 - 21.00 setiap hari.	
PUSAT PELAWAT PULAU HONG KONG: The Peak Piazza (antara The Peak Tower dengan The Peak Galeria), The Peak, Pulau Hong Kong. Waktu operasi: 11.00 - 20.00 setiap hari.	
PUSAT PELEWAT KOWLOON: Star Ferry Concourse, Tsim Sha Tsui, Kowloon Waktu Operasi: 08.00 - 20.00 setiap hari.	

MENGENAI HONG KONG

Ketahui lebih lanjut mengenai Hong Kong supaya anda boleh memanfaatkan masa kunjungan anda di sini sepenuhnya. Berikut adalah beberapa perkara yang anda perlu tahu mengenai bandar yang mempesonakan ini:

IKLIM

Musim Bunga: Mac-Mei.

Musim Panas: Jun-Ogos.

Musim Luruh:

September-November.

Musim Dingin:

Disember-Februari.



SISTEM ELEKTRIK

Pastikan anda membawa palam elektrik untuk menggunakan perkakas elektrik anda kerana Hong Kong menggunakan voltan standard 220 volt AC, 50Hz. Sesetengah hotel mungkin menyediakan sambungan 100-volt di bilik air. Anda juga memerlukan penyesuai untuk palam kuasa kerana sebahagian besar salur keluar elektrik di Hong Kong menggunakan palam tiga gigi gaya UK.



LARANGAN MEROKOK

Merokok dilarang di dalam semua kawasan bangunan awam di Hong Kong, seperti restoran, pusat beli-belah dan pusat karaoke. Larangan merokok ini juga turut dikuatkuasa di dalam pengangkutan awam, di pantai, kolam renang dan di Hong Kong Wetlands Park. Mereka yang merokok atau membawa rokok yang dinyalakan serta e-rokok di tempat-tempat ini akan dikenakan denda HKD\$ 1500.



KEMUDAHAN BAGI PENGUNJUNG KELAINAN UPAYA

Hong Kong menyediakan panduan praktikal yang mudah kepada pengunjung kelainan upaya. Selain itu, terdapat maklumat mengenai pengangkutan, tarikan dan restoran untuk kemudahan anda. Sila rujuk DiscoverHongKong.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.



KHIDMAT Wi-Fi

Khidmat wi-fi percuma disediakan secara meluas di Hong Kong. Terdapat banyak lokasi *hotspot* dengan akses wi-fi yang disediakan di seluruh bandar raya ini, termasuk tempat-tempat tarikan pelancong, pusat-pusat membeli-belah, taman, muzium, tempat bersukan, bangunan kerajaan, terminal feri, stesen MTR, dan Lapangan Terbang Antarabangsa Hong Kong. Anda boleh memuat turun aplikasi Wi-Fi.HK untuk mencari senarai lokasi *hotspot* dan mendapatkan sambungan ke Internet.



DESTINASI MUSLIM

MAKANAN DAN MINUMAN HALAL, TERMASUK TEMPAT-TEMPAT IBADAH BANYAK DISEDIAKAN DI HONG KONG UNTUK MENJAMIN KESELESAAN PERCUTIAN ANDA.



DIM SUM

Islamic Centre
Canteen-Wan Chai.

JELAJAH MASJID

Masjid Jamia,
Masjid Kowloon,
Masjid Chai Wan.

RESTORAN

LEGENDA

Ma's Restaurant.

MERASAI KEBAB

DAN PIZZA HALAL

di Ebeneezer's
Kebabs & Pizzeria.



MASJID STANLEY

Di Hong Kong, masjid bukan hanya digunakan sebagai tempat menunaikan solat, ia juga turut menjadi salah satu tarikan. Sebagai contoh, masjid Stanley yang ditubuhkan pada tahun 1937, pada asalnya digunakan oleh masyarakat India Muslim.

Masjid Stanley dibina hasil dedikasi dan usaha gigih masyarakat Muslim yang memberi sumbangan kewangan di samping membantu dalam pembinaannya supaya masyarakat Muslim di sini mempunyai tempat untuk beribadat. Ia mempunyai reka bentuk indah dengan dewan solat yang besar serta beranda yang menghadap perkarangan masjid. Pengunjung boleh melawat masjid ini pada hari Jumaat ketika ia dibuka untuk kegunaan awam.

LOKASI:

53 Tung Tau Wan Road, Stanley, Hong Kong.

STESEN MTR TERDEKAT:

Chai Wan Station, Exit D.





MASJID KOWLOON



Masjid Kowloon terletak di kawasan Tsim Sha Tsui yang tidak pernah lengang. Jika anda menunaikan solat di masjid ini, anda pasti menemui orang Islam dari pelbagai negara, dari Arab ke Asia, termasuklah Malaysia. Ia adalah sebahagian daripada Islamic Centre di Kowloon dan antara masjid yang terbesar di Hong Kong dan boleh memuatkan kira-kira 3500 orang.

Masjid ini menempatkan dua madrasah, satu untuk lelaki dan satu untuk wanita. Di samping Bahasa Arab, madrasah ini turut mengajar Quran dalam Bahasa Inggeris dan Urdu. Kelas-kelas dakwah untuk mereka yang bukan beragama Islam dan berminat untuk belajar tentang Islam juga diadakan di sini. Masjid Kowloon juga mempunyai sebuah perpustakaan dan dewan komuniti.

LOKASI:

105 Nathan Road, Tsim Sha Tsui, Kowloon.

STESAN MTR TERDEKAT:

Tsim Sha Tsui Station, Exit A.



MASJID JAMIA

Masjid Jamia adalah masjid pertama yang didirikan di Hong Kong. Ia dibina pada tahun 1849 dan diperluas pada tahun 1915. Sebagai masjid yang tertua, kerajaan Hong Kong telah menetapkan masjid Jamia sebagai bangunan bersejarah yang perlu dikekalkan. Masjid ini mempunyai bentuk dan saiz yang berbeza daripada masjid-masjid lain di Hong Kong. Dari segi saiz, Masjid Jamia mampu memuatkan sehingga 400 orang. Dari segi seni bina pula, kebanyakan masjid di Hong Kong menggunakan seni bina kontemporari, namun Masjid Jamia lebih serupa dengan masjid yang ada di Malaysia.

Masjid ini tidak begitu sesak pada hari biasa, tetapi lebih 'hidup' pada bulan Ramadan kerana ia menyediakan hidangan sahur dan buka puasa.

LOKASI:

630 Shelley Street, Central, Hong Kong.

STESEN MTR TERDEKAT:

Central Station, Exit D.

MASJID CHAI WAN

Masjid Chai Wan atau Cape Collison yang didirikan pada tahun 1963 adalah masjid kelima yang dibina di Hong Kong. Apabila populasi penduduk Muslim berkembang di Chai Wan, masjid ini mula digunakan untuk keperluan beribadat yang lain. Masjid Chai Wan dikelilingi gunung-ganang yang menjadikannya tempat yang unik untuk beribadat. Para pengunjung boleh menikmati kedamaian dan ketenangan persekitarannya yang dikelilingi gunung-ganang dan pepohon yang subur menghijau.

LOKASI:

Cape Collison Road, Tai Tam Gap, Hong Kong.

STESEN MTR TERDEKAT:

Chai Wan Station, Exit N5.





Tidak jauh dari Causeway Bay, anda akan menemui Masjid Ammar & Osman Sadick Islamic Centre. Penduduk di sini memanggilnya Masjid Wan Chai, kerana ia terletak di Wan Chai. Persekitaran yang teduh dengan pokok-pokok yang menghijau menyebabkan ramai pelancong Muslim memilih tempat ini untuk berehat.

Di dalam Islamic Centre tersebut, terdapat beberapa kemudahan lain seperti perpustakaan dan taman didikan kanak-kanak. Anda juga boleh menikmati makanan halal seperti dim sum yang terkenal di kantinnya. Masjid ini didirikan oleh Incorporated Trustees of the Islamic Community Fund of Hong Kong, sebuah institusi yang diberi kuasa untuk mengeluarkan pensijilan halal kepada restoran di Hong Kong.

MASJID AMMAR & OSMAN RAMJU SADICK ISLAMIC CENTRE

LOKASI:

40 Oi Kwan Road, Wan Chai, Hong Kong.

STESAN MTR TERDEKAT:

Wan Chai Station, Exit A3.



Foto: Dok. Islamic Centre Canteen

Apabila berkunjung ke Hong Kong, anda wajib mencuba dim sum! Kini, anda tidak perlu bimbang tentang status halal makanan di Hong Kong. Terdapat banyak makanan halal, dan dim sum yang terkenal (dan Halal) boleh didapati di kantin Islamic Centre di Wan Chai. Kantin ini menyediakan menu dim sum untuk minum pagi, manakala menu makan malam menampilkan pelbagai hidangan Kantonis. Restoran ini adalah satu-satunya restoran di Hong Kong yang menawarkan sajian Kantonis Halal.

Menu dim sum di sini tidak jauh berbeza dari restoran lain. Daging yang digunakan sudah tentunya ayam, lembu, atau udang. Antara menu utama dim sum di sini adalah Siu Mai, Har Gow, Xiao Long Pao, dan Pulut Kukus dengan Ayam dalam Daun Teratai. Jadi, datanglah dan jamu selera dengan Dim Sum di sini!

ISLAMIC CENTRE CANTEEN



LOKASI: 5/F, Masjid Ammar and Osman Ramju Sadick Islamic Centre, 40 Oi Kwan Road, Wan Chai.

STESAN MTR TERDEKAT: MTR Wan Chai Station, Exit A3.

WAKTU OPERASI: Setiap hari, 09.00 – 21.00

TAHUKAH ANDA?

Kantin ini hanya menerima pengunjung dari Hari Jumaat hingga

Ahad serta cuti umum. Datanglah sekitar jam 10 pagi supaya mudah mendapat tempat duduk.

Foto: Dok. Ma's Restaurant



MA'S RESTAURANT



Restoran Ma terkenal dengan hidangan kari ayam, daging dan kambing. Antara menu yang wajib dicuba ialah Pastri Goulash Daging Lembu dan Ayam Sichuan bagi yang menggemari makanan pedas. Menu lain adalah Lamb Roll, iaitu daging biri-biri yang dicincang dengan lada hitam, ketumbar, jintan, dan dihias dengan daun bawang. Menu ini boleh dinikmati dengan Pop Pan iaitu sejenis roti.

Restoran yang telah beroperasi selama lebih 40 tahun ini menyediakan menu masakan Cina dengan cita rasa Hong Kong. Hidangan di sini telah diperakui halal oleh Incorporated Trustees of the Islamic Community Fund of Hong Kong.



LOKASI: Shop A, 21-25 Cheung Sha Wan Road, Hong Kong.

STESAN MTR TERDEKAT:

MTR Prince Edward Station, Exit E.

WAKTU OPERASI: Setiap hari, 11.30-23.00.

TAHUKAH ANDA?

Selain menyediakan menu halal, harga di sini juga berpatutan.

Selain itu, semua menu ditulis dalam Bahasa Inggeris, jadi mudah untuk berkomunikasi.



Foto: Dok. Ebeneezer's Kebab & Pizzeria

EBENEZER'S KEBABS & PIZZERIA



Jika ingin mencuba menu yang agak berbeza, kunjungi Ebeneezer's Kebab & Pizzeria. Restoran ini menyajikan pelbagai pilihan kebab dan piza yang kesemuanya menggunakan bahan-bahan yang halal. Anda boleh mencuba Kebab Tikka Ayam yang enak dan mengenyangkan. Nikmatinya dengan Lassi Mangga, minuman berperisa mangga yang menyegarkan. Jika anda rasa kebab terlalu berat, pilihlah Greek Salad yang ringan dan sihat.

Terdapat beberapa cawangan Ebeneezer's Kebab & Pizzeria di Hong Kong dan semuanya telah diperakui halal oleh Incorporated Trustees of the Islamic Community Fund of Hong Kong.



LOKASI: Shop G01C, G/F, Astoria Building, 24-38 Ashley Road, Tsim Sha Tsui.

STESAN MTR TERDEKAT: Tsim Sha Tsui MTR Station, Exit H.

WAKTU OPERASI: Setiap hari, 09.00 - lewat tengah malam.

TAHUKAH ANDA?

Restoran ini telah dibuka sejak tahun 1993, dan terkenal dengan hidangan kebab dan piza. Ia juga satu-satunya restoran halal yang ada di universiti-universiti di Hong Kong.

Foto: Dok. Tahitian Terrace



LOKASI: Hong Kong Disneyland Park, Lantau Island.

WAKTU OPERASI: Setiap hari, 11.30 hingga pertunjukan Disney in the Stars dimulai.

TAHUKAH ANDA?

Explorer's Club menyediakan surau untuk pengunjung Muslim. Jadi, anda dapat bersiar-siar dengan selesa di Disneyland.

PANDA CAFÉ FOOD TO GO & DIVE INTO A FLOAT



Satu lagi taman tema yang popular ialah Ocean Park. Untuk pengunjung Muslim, Ocean Park menyediakan Panda Café Food To Go (Amazing Asian Animals) dan Dive Into A Float (Marine World) yang menyajikan makanan halal. Menu yang ditawarkan adalah seperti Nasi Ayam Hainan, Ban Bebola Daging Lembu dengan sos tomato herba, Ayam Tandoori dan Buah-Buahan Segar. Kedua-dua restoran ini diperakui halal oleh Incorporated Trustees of the Islamic Community Fund of Hong Kong.

Foto: Dok. Panda Cafe Food To Go

TAHITIAN TERRACE & EXPLORER'S CLUB



Slepas mencuba semua permainan di Hong Kong Disneyland Park, anda pasti akan berasa lapar. Ada dua restoran yang menyajikan menu halal di sini iaitu Tahitian Terrace di Adventure Land dan Explorer's Club di zon Mystic Point. Anda boleh memilih menu Asia Selatan, seperti masakan India di Tahitian Terrace, atau menu Asia Tenggara di Explorer's Club. Jika rindukan masakan negara anda, singgahlah di sini. Kedua-dua restoran ini mempunyai pensijilan Halal.



LOKASI: Ocean Park, Wong Chuk Hang.

WAKTU OPERASI: Setiap hari pukul 10.00, dan tutup di waktu yang tutup pada waktu yang berbeza. Antara pukul 18.00 atau 19.30.

TAHUKAH ANDA?

Ocean Park menyediakan tempat ibadah termasuk untuk pengunjung Muslim. Dapatkan maklumat lanjut dari *Guest Relations*.

DAPUR HALAL DENGAN PENSIJILAN HALAL

Terdapat banyak restoran di Hong Kong dengan menu yang dijamin Halal, termasuklah di hotel-hotel ternama agar mudah dikunjungi oleh pelancong Islam. Berikut adalah senarai hotel yang telah mendapat pensijilan Halal:



RESTORAN-RESTORAN DI HOTEL DENGAN SIJIL HALAL

NAMA	ALAMAT	TELEFON
Harbour Grand Hong Kong	23 Oil Street, North Point, Hong Kong	+852 2121 2688
Harbour Grand Kowloon	20 Tak Fung Street, Whampoa Garden, Hunghom, Kowloon	+852 2621 3188
Harbour Plaza 8 Degrees Hotel	199 Kowloon City Road, Tokwawan, Kowloon	+852 2126 1960
Hong Kong SkyCity Marriot Hotel	1 Sky City Road East, Hong Kong International Airport, Lantau Island	+852 3969 1888
Hotel sáv Hong Kong	83 Wuhu Street, Hunghom, Kowloon, Hong Kong	+852 2275 8888
L'hotel élan	2/F, L'hotel élan, 38 Chong Yip Street, Kwun Tong, Kowloon	+852 3968 8222
L'hotel Island South	P3, L'hotel Island South, 55-57 Wong Chuk Hang Road, Aberdeen, Hong Kong	+852 3968 8833
Panda Hotel	3/F, Panda Hotel, 3 Tsuen Wah Street, Tsuen Wan, New Territories	+852 2409 1111
pentahotel Hong Kong, Kowloon	19 Luk Hop Street, San Po Kong, Kowloon	+852 3112 1922
Regal Airport Hotel	9 Chong Tat Road, Hong Kong International Airport, Lantau Island	+852 2286 8888
Regal Oriental Hotel	B1 /F, Regal Oriental Hotel, 30-38 Sa Po Road, Kowloon City, Kowloon	+852 2132 3502
Regal Riverside Hotel	3/F, Regal Riverside Hotel, 34-36 Tai Chung Kiu Road, Shatin, New Territories	+852 2132 1040
Royal Plaza Hotel	193 Prince Edward Road West, Kowloon	+852 2622 6156
Silvermine Beach Resort Limited	Lot 648, Silvermine Bay, Mui Wo, Lantau	+852 6810 0111

PANDUAN KOMUNIKASI UNTUK MUSLIM

Seandainya anda mempunyai keperluan keagamaan yang tertentu, Panduan Komunikasi Untuk Muslim ini akan memudahkan anda berkomunikasi dengan warga tempatan di Hong Kong.

1 Adakah restoran ini menyediakan makanan halal?

*Makanan yang sama sekali tidak mengandungi khinzir, bacon, atau bahan yang berasal dari khinzir, termasuk sosej, lemak khinzir, gelatin, mentega putih, atau pengemulsi, dan bahan non-alkohol atau berasal dari alkohol.

Ya **Tidak**

2 Adakah restoran ini menawarkan hidangan vegetarian?

Ya **Tidak**

3 Adakah restoran ini menyajikan hidangan bebas alkohol?

Ya **Tidak**

4 Adakah restoran ini mengasingkan bahan masakan dan perkakas memassak untuk Muslim supaya tidak bercampur dengan yang lain?

Ya **Tidak**

5 Adakah restoran ini menyediakan pinggan mangkuk serta sudu garpu pakai buang?

Ya **Tidak**

6 Ada masjid berhampiran kawasan ini? Jika ada, sila tunjukkan cara untuk ke sana.

Ya, ada masjid di dekat lokasi kami dan kami dapat menunjukkan cara menuju ke sana.

Tidak, tiada masjid di kawasan ini.

7 Ada ruang solat di bangunan ini? Jika ada, sila tunjukkan cara untuk ke sana.

Ya **Tidak**

1 這間餐廳提供不含豬肉的食物*嗎?

*即食品絕對不含豬肉、任何源自豬隻或其加工製品的食材，包括煙肉、香腸、豬油、明膠、起酥油、乳化劑 (emulsifier) 等，以及不含酒精或任何酒精衍生的成分。

有 **沒有**

2 這間餐廳提供素食嗎?

有 **沒有**

3 這間餐廳提供不含酒精的食品嗎?

有 **沒有**

4 這間餐廳提供給回教徒及非回教徒的食品是否分開存放及處理? 兩者的煮食器具及餐具是否分開處理?

有 **沒有**

5 這間餐廳提供即用即棄的碗筷嗎?

有 **沒有**

6 附近有清真寺嗎?

如有，請告訴我前往方式。

附近有清真寺，我們可以告訴您如何前往。

附近沒有清真寺。

7 這座大廈有祈禱室嗎? 如有，請告訴我如何前往。

有 **沒有**

HIDANGAN MEMIKAT SELERA UNTUK MEMENUHI SEMUA CITARASA

DiscoverHongKong.com



香港 BEST
OF ALL
IT'S IN
HONG
KONG